

## RESEARCH ARTICLE

# SISTEM PENGURUSAN DIGITAL PROGRAM ‘IMARAH MASJID: KAJIAN ANALISIS KEPERLUAN DAN PEMBANGUNAN

## (Digital Management System of the 'Imarah Masjid' Program: An Analysis of Needs and Development Study)

Mohd Suhardi Mat Jusoh<sup>1\*</sup>, Mohd. Nordin Samah<sup>2</sup>, Noorhzaimi @ Karimah M. Noor<sup>3</sup>, Abdul Kamil Jamaludin<sup>1</sup>, Mohd Nasir Ayub<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26300 Pahang, Malaysia

<sup>2</sup>Imam Besar, Masjid Negeri Pulau Pinang, 10400 Pulau Pinang, Malaysia

<sup>3</sup>Faculty of Computing, Universiti Malaysia Pahang, 26300 Pahang, Malaysia

<sup>4</sup>Aademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Pahang Kampus Raub, Malaysia

**ABSTRAK** – Seiring dengan kemajuan teknologi pada masa kini, fungsi masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat seharusnya dapat dipertingkatkan keberkesanannya secara optimum dengan keupayaan ICT dan teknologi. Bagi merealisasikan hasrat ini, terdapatnya suatu keperluan untuk membangunkan satu sistem pengurusan digital program ‘imarah masjid’ berdasarkan web sebagai platform digital pengurusan program ‘imarah masjid’ bagi mengantikan kekurangan yang sedia ada pada sistem manual. Sehubungan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti elemen-elemen keperluan dan pembangunan sistem ini dalam aspek pengurusan program dan aktiviti ‘imarah masjid’. Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan metod analisis dokumen dan kajian temubual semi-struktur dengan pihak pengurusan masjid negeri Pulau Pinang bagi membangunkan kerangka konseptual kajian. Berdasarkan analisis dokumen dan dapatan kajian temubual, kajian ini telah dapat mengenalpasti empat aspek keperluan utama dalam pembangunan sistem pengurusan program digital masjid ini iaitu pengurusan digital program, profiling digital peserta, hebatan digital program dan penilaian digital impak program masjid. Dengan itu, satu model konseptual kajian keperluan dan pembangunan sistem ini dapat dibangunkan dan model konseptual kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dalam membangunkan sistem pengurusan digital program ‘imarah masjid’ berdasarkan keperluan Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

**ABSTRACT** - In line with the advancement of technology nowadays, the function of the mosque as a community development center should be able to improve its effectiveness with the capabilities of ICT and technology. To realize this agenda, there are a need to develop a web-based digital management system for the 'imarah mosque program' as a digital platform for the management of the mosque's 'imarah program' to replace the manual system. Accordingly, the main objective of this study is to identify the elements of the need and development of this system in the aspect of managing the program and activities of the 'imarah mosque'. This study was conducted qualitatively using the method of document analysis and semi-structured interviews with the Penang Mosque management to develop a conceptual framework for the study. Based on document analysis and interview findings, this study has identified four aspects of the main requirements for the mosque's digital program management system which is ; program digital management, participant digital profiling, program digital announcements and mosque program impact digital evaluation. Thus, a conceptual model of the needs study and development of this system was developed, and the conceptual model of this study can be used as a guide to develop a digital management system for the 'imarah mosque' program based on the requirements of the Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

### 1.0 PENDAHULUAN

Selari dengan arus perkembangan teknologi di era digital masa kini, keberkesanannya fungsi masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat Islam seharusnya dapat dipertingkatkan dengan keupayaan teknologi digital. Perkara ini perlu ditanganai secara serius oleh setiap pihak pentadbir masjid di negara ini agar institusi ini sentiasa kekal relevan mengikut arus perkembangan semasa iaitu dengan tercetusnya transformasi digital, institusi masjid seharusnya dapat memanfaatkan

### ARTICLE HISTORY

Received : 23<sup>rd</sup> July 2023

Revised : 20<sup>th</sup> Aug. 2023

Accepted : 12<sup>th</sup> Oct. 2023

Published : 30<sup>th</sup> Oct. 2023

### KEYWORDS

Community development,  
 Digital profiling,  
 Digital evaluation,  
 Digital management,

kemajuan teknologi digital sebagai medium dan platform dalam penyebaran maklumat serta penggerak ke arah masyarakat yang bermaklumat dan berilmu secara konsisten (Che Wan Shamsul et al., 2021). Dalam konteks ini, tanpa diragui lagi, pelaksanaan setiap program dan aktiviti ‘imarah masjid’ akan dapat dipertingkatkan keberkesanannya sekiranya teknologi digital dapat dijadikan sebagai platform digital pelaksanaan program dan ‘imarah masjid’. Ini kerana, dengan kelebihan teknologi digital, segala perkembangan semasa yang melibatkan aktiviti keilmuan, dakwah dan komuniti yang dilaksanakan di sebuah masjid dapat menjangkaui batas sempadan, bukan sahaja kepada ahli kariah setempat, malah kepada segenap lapisan masyarakat yang berada di luar persekitaran masjid. Sehubungan itu, transformasi digital menuntut pihak pentadbir institusi masjid hari ini mengadakan pembaharuan dan perubahan dalam aspek pengurusan program dan aktiviti ‘imarah masjid’ sebagai akibat dari perubahan yang berkaitan dengan aplikasi teknologi digital dalam semua aspek kehidupan manusia (Puteri et al., 2021). Konsep perubahan yang ingin dilakukan ini sememangnya bertepatan dengan konsep *al-taghyir* iaitu perubahan sebagaimana yang ditekankan oleh al-Qur'an. Allah S.W.T. berfirman ;

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.”

(al-Ra'd : 11)

Sehubungan itu, maka amat wajarlah pihak pentadbir masjid masa kini dapat memanfaatkan sokongan ICT dan teknologi digital dalam mempertingkatkan kecekapan pengurusan dan pelaksanaan program ‘imarah masjid’ sebagai salah satu strategik pengupayaan peranan masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat mapan di era digital ini. Untuk merealisasikan agenda ini, maka sudah pasti pihak masjid memerlukan suatu sistem pengurusan program ‘imarah’ yang berkesan dan cekap berbantuan teknologi bagi menangani kekurangan sedia ada pada sistem pengurusan program masjid secara manual. Sekiranya, agenda ini dapat dilaksanakan, maka peranan masjid dapat diperkasakan seiring dengan transformasi digital yang berlaku dalam mana-mana organisasi ketika ini iaitu institusi masjid dilihat benar-benar berfungsi dalam membangunkan insan dan masyarakat yang bermaklumat dan sejahtera (Nor Azlina et al. 2016). Dalam menjayakan agenda ini, maka pihak pengurusan masjid seharusnya dapat menggerakkan agenda mobilisasi ICT dalam melaksanakan program dan aktiviti ‘imarah masjid’ sebagai satu strategik memperkasakan institusi masjid di era digital pada masa kini. Hasrat ini adalah selari dengan cadangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2021) dalam Dokumen Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM, 2021) iaitu mewujudkan pangkalan data ahli kariah, pengiklanan digital dan sistem ceramah secara maya. Melihat kepada adanya keperluan khusus iaitu keperluan membangunkan sistem pengurusan program yang komprehensif dan berkesan, maka objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen-elemen keperluan dalam pembangunan sistem pengurusan digital program ‘imarah masjid’ sebagai salah satu agenda dan strategik yang dapat mengupayakan institusi masjid di negara ini pada masa kini (Mariam Abd. Majid, et al., 2021).

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Terdapat sejumlah 6,829 masjid di Malaysia dan 18,360 buah surau yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2023). Sewajarnya bilangan masjid dan surau yang banyak ini berperanan sebagai pusat pembangunan ummah yang mapan menerusi pelbagai program pengimaran dan bukan sekadar tempat menunaikan solat fardu atau aktiviti terhad dalam lingkungan pagar masjid, bahkan fungsi dan peranan masjid seharusnya menjangkaui keseluruhan kegiatan masyarakat Islam. Walau bagaimana pun, antara isu yang tidak berkesudahan dan telah berlanjutan sehingga kini adalah stereotaip bahawa kebanyakan masjid telah hilang tarikannya dan telah ditafsirkan sebagai tempat khusus untuk ibadah sahaja sehingga kurangnya aktiviti yang boleh menarik minat masyarakat ke masjid (Roslan Mohamed, 2008). Senario ini memberi satu gambaran jelas iaitu kecenderungan mendirikan masjid tidak seiringan dengan kecenderungan pengurusan dan pengimaran. Dalam konteks pengimaran solat fardu berjemaah di masjid, dapatkan kajian menunjukkan jumlah kehadiran lelaki Islam sekitar 5% - 10% dalam satu kawasan (Firdaus Mokhtar et al., 2018). Dapatkan ini tidak menggambarkan masyarakat setempat tidak menunaikan solat kerana solat boleh dilakukan di manapun tetapi jumlah tersebut menggambarkan bilangan yang sedikit daripada keseluruhan masyarakat Islam yang hadir ke masjid. Situasi mungkin disebabkan faktor berikut;

- i. Kepimpinan yang tidak dapat menaikkan imej dan status masjid.
- ii. Program pengimaran yang terbatas.
- iii. Pengurusan kewangan yang tidak profesional.
- iv. Bangunan fizikal masjid yang hambar dan kemudahan terhad.

Berdasarkan beberapa faktor yang telah dikenal pasti di atas, salah satu faktor penting yang perlu dilihat adalah kelemahan kepimpinan yang tidak dapat menaikkan imej dan status masjid yang dikaitkan dengan pengurusan program pengimaran yang terbatas. Sebagai contoh, aspek hebatan dan publisiti aktiviti-aktiviti masjid, kajian-kajian lepas telah mengenal pasti salah satu faktor sedikitnya sambutan dan penyertaan orang ramai terhadap aktiviti yang dianjurkan adalah kegagalan pihak masjid mempromosikan program-program yang dianjurkan secara berkesan iaitu iaitu sesetengah masjid gagal mempromosikan sesuatu program kepada sasaran pengunjung masjid yang sebenar kerana iklan untuk aktiviti-aktiviti masjid hanya di tampil di papan kenyataan dan tidak menggunakan medium baharu seperti Facebook, Twitter, Youtube dan sebagainya (Muhammad Faisal Ashaari et al. 2018). Dalam aspek ini, sudah pasti pihak pentadbir masjid

perlu mengadaptasikan sepenuhnya kelebihan ICT dan teknologi digital dalam pengurusan dan pelaksanaan aktiviti ‘imarah masjid berdasarkan kepada keperluan semasa. Sehubungan itu, barisan pentadbir masjid seharusnya mempunyai visi dan misi yang jelas terhadap penggunaan teknologi dalam aspek pengurusan institusi masjid masa kini. Ini kerana kemahiran digital (digital skills) dilihat banyak mendatangkan kebaikan kepada individu, masyarakat dan negara dalam pembangunan pelbagai sektor (Afiqah et al., 2020). Maka dalam aspek ini, barisan kepimpinan di masjid seharusnya dapat memanfaatkan kelebihan teknologi dalam pengurusan operasi harian masjid khususnya dalam pengurusan program dan aktiviti ‘imarah masjid melalui sistem pengurusan masjid yang berkesan. Ini kerana faktor-faktor yang mendorong ahli qariah masjid mencapai sistem atau laman sesawang masjid adalah untuk mengetahui aktiviti keagamaan yang dijalankan, menyertai kelas agama dan mengajukan pertanyaan berkaitan Islam (Bushral Huda et al., 2014). Sehubungan itu, pihak pentadbir masjid perlu mewujudkan satu sistem pengurusan masjid yang sistematik berbantuan sokongan ICT dan teknologi dalam melaksanakan program dan aktiviti ‘imarah masjid di era digital ini. Dengan sistem ini juga, pegawai-pegawai masjid dapat melaksanakan tugas pengurusan masjid secara kompeten kerana sistem yang bakal dibangunkan berupaya merekod secara sistematik setiap aktiviti yang dijalankan serta berkemampuan untuk menjana laporan secara automatik sebagaimana yang diperlukan (Che Wan Shamsul et al., 2020). Dalam masa yang sama, sistem yang dibangunkan ini akan dapat menonjolkan imej masjid yang unggul sebagai “*nucleus of the society*” dalam kalangan masyarakat Islam ketika ini.

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini mengaplikasikan metodologi kajian secara kualitatif iaitu analisis kandungan dan kajian temu bual. Dalam konteks analisis kandungan, pengkaji telah melakukan sorotan kajian terhadap pelbagai sumber penulisan terdahulu dan terkini dalam tajuk kajian yang hampir sama dengan tajuk kajian ini bagi mengenal pasti elemen-elemen keperluan dalam pembangunan sistem pengurusan digital program ‘imarah masjid. Seterusnya, kaedah temu bual separa struktur dilaksanakan oleh penyelidik dengan menemubual enam orang responden yang berpengalaman luas dalam tadbir urus masjid di Masjid Negeri Pulau Pinang dan Masjid Putrajaya. Mereka telah dipilih melalui kaedah persampelan tujuan bagi memenuhi objektif kajian ini. Kaedah temu bual secara separa berstruktur pula telah dipilih oleh penyelidik kerana ia berbentuk fleksibel dan para responden dapat menghuraikan apa-apa yang difikirkan sesuai dalam konteks kajian ini. (Mohd Ridhuwan Remly et al., 2020). Seterusnya, dapatan-dapatan yang diperolehi melalui analisis sorotan kajian-kajian lepas dan temu bual telah disaring dan disepadankan oleh penyelidik bagi mengenal pasti tema-tema utama kajian ini. Gabungan analisis kedua-dua data ini pula telah membantu penyelidik untuk menjawab soalan kajian ini iaitu apakah elemen-elemen utama keperluan dalam pembangunan sistem pengurusan digital program ‘imarah. Pada peringkat akhir analisis, satu kerangka konseptual kajian dapat dibangunkan dalam konteks kajian.

### **4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 Pengurusan Digital Program ‘Imarah Masjid**

Institusi masjid sememangnya tidak boleh terpisah dengan transformasi digital yang tercetus di era digital pada ketika ini. Transformasi digital pula berlaku sebagai akibat dari perubahan yang berkaitan dengan aplikasi teknologi digital dan integrasi dalam semua aspek kehidupan masyarakat (Che Wan Shamsul, et al., 2021). Untuk itu, usaha-usaha memperkasakan fungsi masjid dengan memanfaatkan sokongan teknologi khususnya teknologi maklumat akan meletakkan institusi masjid seiring dengan keperluan transformasi digital yang berlaku dalam mana-mana organisasi ketika ini. Jadi, sebagai institusi keagamaan, pendidikan dan sosial, sememangnya terdapat suatu keperluan khusus untuk melengkapkan masjid-masjid dengan pelbagai kemudahan dan teknologi yang canggih dan hebat (Rosnita Sharani et al., 2013) agar institusi ini dapat melaksanakan program pengimaranan yang selari dengan keperluan masyarakat masa kini iaitu suasana jemaah masjid hari ini telah pun berubah dan tidak sama dengan jemaah masjid di zaman sebelumnya iaitu mereka semakin berilmu, bermaklumat dan terdidik, sebagai akibat dari perubahan persekitaran dan kesan teknologi maklumat dan komunikasi kepada masyarakat. Sehubungan itu, keperluan membangunkan satu sistem digital dalam pengurusan program masjid dilihat sangat relevan dalam enam aspek pengurusan program ‘imarah masjid yang berikut ;

#### **4.2 Program Pendidikan Masjid**

Secara khusus, sokongan teknologi digital sememangnya amat diperlukan dalam usaha menggalakkan penyertaan ahli kariah setempat dalam program keilmuan yang dianjurkan di sebuah masjid pada masa kini. Dalam aspek ini, pihak institusi masjid seharusnya dapat memanfaatkan medium dan platform media sosial secara optimum seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, telegram dan sebagainya sebagai medium penyampaian, hebahan aktiviti dan program keilmuan yang dianjurkan oleh pihak masjid. Rasionalnya adalah pelanggan masjid semakin berilmu, bermaklumat dan terdidik kerana terdapatnya perubahan persekitaran dan kesan teknologi maklumat dan komunikasi kepada masyarakat (Rosnita Sharani, 2011). Untuk tujuan ini, laman sesawang (*fan page*) dalam Facebook, portal dan sebagainya perlu dibangunkan dan diaktifkan sepanjang masa agar para pengunjung masjid dapat mengikuti setiap perkembangan ilmu dan kegiatan pendidikan di masjid seperti jadual pengajian, koleksi khutbah, program *preview* akan datang, tazkirah dan lain-lain program. Ringkasnya, untuk menjayakan program pendidikan yang berkesan di masjid, maka infrastruktur pengajaran dan pembelajaran berdasarkan ICT di masjid perlu dipertingkatkan bagi menarik minat lebih banyak penyertaan masyarakat dalam program pendidikan non-formal di masjid (Adnan Mat Junoh et al., 2013). Cadangan ini adalah selari dengan hasrat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM,2021) dalam Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM,

2021) iaitu sesebuah masjid seharusnya dapat menyediakan pelbagai kemudahan digital seperti bilik komputer, studio multimedia, rangkaian *Wifi* dan perpustakaan digital.

#### **4.3 Program Dakwah Masjid**

Dalam menghadapi arus kemodenan yang pesat pada masa kini, dakwah secara digital merupakan wahana baru dalam arena dakwah. Sehubungan itu, Institusi masjid seharusnya dapat memanfaatkan platform digital dalam usaha menyampaikan mesej dakwah yang berkesan kepada ahli kariah setempat atau masyarakat yang berada di luar sempadan kariah masjid. Ini kerana teknologi Internet menawarkan khidmat dakwah 24 jam, dari dan ke mana jua di pelosok dunia (Syahrul N. Junaini, et al., 2008). Dalam hal ini, teknologi digital khususnya platform ICT harus diterima sebagai satu platform baru dalam gerakan dakwah bagi mempertingkatkan keberkesanan program dakwah yang berpusatkan di masjid. Untuk tujuan ini, penggunaan teknologi digital di masjid dilihat sebagai salah satu platform yang dapat mengupayakan peranan masjid dalam penyebaran dakwah secara digital kepada sasaran dakwah seperti yang dihasratkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2021) dalam Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM, 2021) iaitu pelaksanaan program dakwah di sesebuah masjid seharusnya melibatkan golongan sasaran yang berikut iaitu muslim, non-muslim, saudara kita dan orang asli.

#### **4.4 Program Komuniti Masjid**

Di era digital ini, institusi masjid seharusnya dapat memainkan peranan secara berkesan sebagai institusi pembangunan sosial kerana peranannya sebagai pusat sosial setempat yang berperanan mengatur dan mengurus dari aspek kerohanian sehingga kepada ekonomi terutama ahli masyarakat yang memerlukan bantuan (Mohd.Rofaizal Ibrahim, et al., 2021). Matlamat pembangunan sosial pula adalah penyusunan semula masyarakat, pembangunan ekonomi dan komuniti serta pembasmian kemiskinan. Dalam konteks ini, maka aspek perkhidmatan dan kebijakan yang dilaksanakan oleh pihak masjid dapat diuruskan dengan lebih mudah sekiranya pihak masjid menggunakan platform digital sebagai saluran hebahan dan interaksi kepada masyarakat Islam sekitar. Dari sini, terdapatnya suatu keperluan agar pihak pentadbir masjid masa kini membangunkan portal masjid dalam kawasan kariah masing-masing sebagai alternatif yang lebih mudah dan cekap dalam pengurusan perkhidmatan dan kebijakan masyarakat Islam setempat seperti e-khairat kematian. Cadangan keperluan ini adalah menepati dengan hasrat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2021) dalam Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM, 2021) iaitu antara saluran-saluran yang boleh disediakan oleh masjid sebagai platform komunikasi digital dengan ahli kariah seperti e-mel, sistem pesanan ringkas (SMS), WhatsApp, Telegram, dan Facebook.

### **5.0 PANGKALAN DATA MAKLUMAT DIGITAL PESERTA PROGRAM ‘IMARAH MASJID**

Secara khusus, maklumat ahli kariah sesebuah masjid perlu menyediakan sebuah pangkalan data yang dapat memuatkan maklumat yang terperinci berkenaan dengan maklumat ahli kariah di sesebuah kawasan kariah masjid di negara ini. Berdasarkan dokumen Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM, 2021), pangkalan data ahli kariah merupakan satu aspek inovasi yang perlu diberi perhatian utama dalam aspek pengurusan masjid masa kini. Dengan ini, maklumat ahli kariah masjid akan dapat membantu pihak pengurusan masjid menjayakan kepelbagaiannya program dan aktiviti ‘imarah masjid berdasarkan semua golongan masyarakat agar program pembangunan ummah dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sampai kepada sasarnya (Mohammad Sofuan, 2019). Sehubungan itu, maklumat ahli kariah akan membolehkan pihak pengurusan masjid merancang sesuatu program dan aktiviti komuniti kepada ahli-ahli kariah secara berfokus. Untuk tujuan ini, sistem pengurusan digital masjid yang akan dibangunkan seharusnya berperanan sebagai pangkalan data ahli kariah. Hasrat ini adalah selari dengan pandangan responden kajian yang berikut :

#### **R.2 :**

*“keperluan untuk kita mengumpul data-data, maklumat, khususnya anak-anak kariah adalah salah satu daripada perkara yang penting yang perlu diambil peduli oleh pihak pengurusan dan pentadbiran masjid, kerana tanpa ada komuniti masyarakat, maka masjid itu tidak dapat melaksanakan segala aktiviti-aktiviti terutamanya berkaitan dengan permasalahan kebijakan.”*

### **6.0 HEBAHAN DIGITAL PROGRAM ‘IMARAH MASJID**

Dalam menjayakan program dan aktiviti ‘imarah kepada masyarakat secara berkesan, pihak pentadbir masjid seharusnya dapat menyebarkan maklumat berkenaan dengan aktiviti-aktiviti masjid, jadual pengajian, koleksi khutbah, perancangan program dan sebagainya menerusi satu platform digital khususnya portal masjid pada masa sebagai saluran komunikasi ahli kariah bertujuan membangunkan masjid mesra masyarakat (Ab. Halim Tamuri, 2021). Kegagalan pihak masjid menyampaikan hebahan secara berkesan menyebabkan kurang sambutan orang ramai terhadap penganjuran program dan aktiviti ‘imarah masjid. Sehubungan itu, pihak pengurusan masjid tidak hanya menggunakan kaedah manual seperti menampal iklan-iklan program di papan kenyataan atau hebahan lisan sebelum khutbah Jumaat. Sebaliknya pihak masjid perlu menyampaikan hebahan program secara digital menggunakan medium sosial dan digital. Dari sini, amat jelas terdapatnya suatu keperluan khusus untuk pihak pengurusan masjid membangunkan satu sistem digital yang dapat mempromosikan setiap program dan aktiviti masjid dengan lebih berkesan. Hasrat ini adalah selari dengan pandangan responden kajian yang berikut ;

**R.4 :**

*“Cumanya yang berkaitan dengan sistem untuk memaklumkan program atau aktiviti masjid, yang itu memang tidak termasuk di dalam sistem Masjid Pro tersebutlah. Barangkali akan diwujudkan kerana perlaksanaan sistem Masjid Pro ini masih lagi dipantau dan ada jawatankuasa yang akan melihat sejauh mana perkembangan sistem ini.”*

## 7.0 PENILAIAN DIGITAL PROGRAM ‘IMARAH MASJID

Sebagai institusi masyarakat Islam yang menjalankan kepelbagaian program dan aktiviti ‘imarah kepada ahli kariah setempat, maka sewajarnya pihak pengurusan masjid dapat mengambil beberapa inisiatif utama dalam usaha mempertingkatkan keberkesanan dan kualiti sesuatu program dan aktiviti ‘imarah yang dilaksanakan. Ini kerana keunggulan institusi masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat akan dapat dipertingkatkan secara optimum apabila adanya usaha-usaha ke arah penambahbaikan kualiti program secara berterusan dan aspek ini merupakan elemen penting dalam pengurusan kualiti dalam sesebuah organisasi (Mua’azam, 2016). Untuk tujuan ini, aspek penilaian program merupakan suatu perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak pentadbir masjid di negara ini bagi menilai dan mengukur bahawa sesebuah masjid mencapai tahap pengurusan yang terbaik (Solahuddin Abd Hamid, et al., 2019). Sebenarnya, aspek yang dinyatakan ini adalah selari dengan hasrat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2021) dalam Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM, 2021) iaitu :


“Sejajar dengan aspirasi menjadikan masjid sebagai nadi yang menggerakkan masyarakat, penilaian secara berstruktur dan dinamik perlu dilaksanakan melalui satu standard pengredan yang komprehensif.”

Dapatan-dapatan kajian lepas telah mengesahkan satu dapatan kajian yang penting iaitu antara faktor utama sesebuah masjid di negara ini dapat mengekalkan pengurusan yang cemerlang adalah kerana pihak pengurusannya sentiasa menilai segala program dan aktiviti bertujuan mengukur keberkesanan sesuatu program (Syuhadak Mahmud, 2017). Dengan itu, sistem pengurusan digital program seharusnya turut berfungsi sebagai platform penilaian program ‘imarah masjid. Hasrat ini adalah selari dengan pandangan responden berikut :

**R.4 :**

*“Memang penilaian program itu amat penting kerana kita mahu menilai keberkesanan program tersebut, yang kedua; untuk kita membuat penambahbaikan terhadap program dan yang ketiga kita nak nilai value for money, perbelanjaan yang telah dibuat memberi kesan kepada masyarakat sangat penting.”*

Berdasarkan analisis dokumen kajian- kajian lepas serta dapatan kajian-kajian temubual dengan beberapa orang responden kajian, penyelidik telah dapat mengenalpasti empat elemen utama keperluan pembangunan sistem pengurusan digital program masjid dan kesemua elemen ini dapat ditunjukkan dalam rajah yang berikut:



Rajah 1. Model konseptual kajian pembangunan sistem pengurusan digital program ‘Imarah Masjid

Berdasarkan rajah di atas, terdapat empat elemen keperluan pembangunan sistem pengurusan digital program masjid. Elemen pertama adalah sistem pengurusan digital program yang akan dibangunkan berfungsi sebagai platform digital yang dapat mengurus program ‘imarah masjid secara cekap dan sistematik. Elemen kedua dalam sistem ini ialah mewujudkan maklumat digital peserta program. Elemen yang ketiga ialah sistem ini berfungsi sebagai medium hebahan digital program masjid secara digital. Manakala elemen ke-empat ialah sistem ini berfungsi sebagai medium penilaian digital program masjid.

## 8.0 KESIMPULAN

Kajian ini mengenal pasti empat elemen utama keperluan pembangunan sistem pengurusan digital program masjid iaitu elemen pengurusan digital program yang dapat menguruskan secara sistematik pelbagai program utama masjid yang berbentuk pendidikan, dakwah, dan komuniti. Elemen berikutnya adalah elemen keperluan sistem maklumat digital peserta program, elemen hebatan digital program masjid, dan elemen penilaian digital program masjid. Semua elemen dinyatakan merupakan dapatan kajian yang dikenal pasti menerusi analisis kandungan dan kajian temu bual. Dengan itu, satu model konseptual kajian dihasilkan sebagai panduan pembangunan sistem pengurusan digital program ‘imarah masjid yang memenuhi keperluan Standard Penarafan Masjid Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

## 9.0 PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Masjid Negeri Pulau Pinang atas tajaan geran penyelidikan RDU212301 dan RDU210701 dari 01/02/2021 sehingga 30/04/2023.

## 10.0 RUJUKAN

- Abd. Ghani, Z. (2021). *Ekosistem dakwah digital: Cabaran masa depan dunia dakwah digital*. Prosiding Simposium, Dunia Dakwah Digital 2021, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Keningau: Sabah.
- Abdul Kadir, F. A. (2007). Keberkesanan kelas agama di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 25, 73–88.
- Abdul, S., Mohd, H., Nizho, A., Solahuddin, I., Mohd, S., & Ishak. (2019). *Transformasi pengurusan pembangunan masjid sebagai institusi Islam: Pengalaman masjid-masjid terbaik*. e-Proceedings of 6 th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019) 30th October 2019, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Abdullah, M. (2020). *Keberkesanan penggunaan ICT dalam kuliah agama di Masjid dalam Daerah Kuala Terengganu*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Kluster Pendidikan dan Sains Sosial. Open University Malaysia.
- Ahmad, C.W.S.B.C.W., Rahman, K. A., Samsudin, S., Unus, M.N.H.M., Nasrun, A., & Salleh, N.M.M. (2021). Transformasi digital dalam aktiviti pengimaranan masjid Al-Azhar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *International Journal of Mosque Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*. 1(2), 7–26.
- Ajmain @ Jimaaín S. (2008). *Institusi masjid dalam memperkasakan pembangunan modal insan*. Dalam Karjo, Mohd Ismail & Jasmi, Kamarul Azmi. (ed). Pengurusan berkualiti memacu kecemerlangan pengurusan masjid. Halaman 13. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ashaari, M. F., & Mokhtar, F. (2018). Pandangan imam dan pentadbir masjid tentang kehadiran masyarakat ke masjid. *Jurnal Hadhari*. 10(2), 205-223.
- Azman A.H. et al. (2020). *Latihan Kemahiran Digital*. Universiti Malaysia Sabah.
- C.W. Ahmad, C.W.S.B. & Rahman, K. & Mohd Danuri, Mohd Shahrul Nizam & Mohamed Salleh, Nur Muizz & Samsudin, Saifullah. (2020). *Sistem pengurusan Masjid Al-Azhar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS): Modul hebatan aktiviti*. Proceedings of 6<sup>th</sup> International Conference on Information Technology & Society. November 11<sup>th</sup> 2020, Selangor, Malaysia.
- Don, A. G. (2021). *Pembangunan kepimpinan da'i dalam dakwah era digital*. Prosiding Simposium, Dunia Dakwah Digital 2021. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Keningau: Sabah.
- Herdiana, Y. & Munawar, Z. & Komalasari, R. (2021). Teknologi pendidikan dan transformasi digital di masa pandemi COVID-19. *Jurnal ICT Information Communication & Technology*. 20(1), 53-57.
- Ibhraim, M.R., Harun, M.S., & Mahmood, A.R. (2021). Pengimaranan masjid berkonsepkan pembangunan sosial: Enlivening the mosque through the concept of social development. *Journal of Muwafaqat*, 4(2), 93–105.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2021), *Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM)*.
- Junaini, S. & Kadikon, S. (2008). *Isu dan cabaran dalam memperkasakan ummah melalui ICT*. Proceedings of International Seminar on Islamic Sciences and Technology 2008 (INSIST'08), 1-7.
- Junoh, A. M., Ghani, Z. A., Jailani, M. R. M., & Noor, K. M. (2013b). Profil penyertaan dalam pendidikan non-formal di Masjid: Implikasi terhadap pembangunan modal insan belia. *Ulum Islamiyyah*. 11, 31-47.
- Jusoh, M. S. M., Jamaludin, A. K., & Samah, M. N. (2022). Elemen-elemen keberkesanan program pengimaranan masjid era kontemporari: Kajian analisis keperluan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 7(1), 76–82.
- Mahmud, S. (2017). *Masjid Puncak Alam: Imarah Hissi dan Maknawi*. e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017), Bangi, Selangor.
- Majid, M. A., Awang, N., Aini, Z. H., & Opir, H. (2021). Pelan strategik pengupayaan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(2), 21–37.

- Manan, B.H.A., & Ashaari, M. F. (2014). Konsep nilai guna dalam penilaian E-Masjid: Tinjauan awal. *Islamiyat*, 36(2), 15–26.
- Mohamad, M., Don, Y., & Kasa, M.D. (2017). *Amalan penambahbaikan kualiti berterusan dalam institusi pendidikan*. Proceedings of the ICECRS, 1(1). International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA. 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia.
- Mohamed, R. (2008). *Pemerkasaan masjid melalui pengurusan profesional pengurusan berkualiti memacu kecemerlangan pengurusan masjid*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Remly, M. R., Kadir, M. N. A., Othman, F. M., & Sabaruddin, S. A. (2020). Prinsip sosial dalam pengimaranhan institusi masjid: Kajian di masjid bertaraf cemerlang. *Jurnal Hadhari*. 12(1), 1–15.
- Remly, M. R., Kadir, M. N. A., Othman, F. M., & Sabaruddin, S. A. (2020b). Prinsip sosial dalam pengimaranhan institusi masjid: Kajian di masjid bertaraf cemerlang. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 12(1), 1–15.
- Remly, M.R., Kadir, M.N., Othman, F.M., & Sabaruddin, S.A. (2019). Prinsip Al-Imarah dalam kalangan AJK masjid kearah mengimaranahkan institusi masjid. *Journal Al-Turath*. 4(2), 28-36.
- Sabri, M.F.M., & Tonot, H. (2017). Perbandingan pengurusan kualiti masjid yang diberi pengiktirafan bintang. *Journal of Business Innovation*, 2(1), 25–41.
- Saleh, M. S.M. (2019). *Masjid Mesra Ummah – Isu dan Cabaran*. e-Proceedings of 6<sup>th</sup> International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019) 30th October 2019, Bangi, Selangor.
- Tamuri, A. H. (2021). Konsep dan pelaksanaan fungsi masjid dalam memartabatkan masyarakat. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 1(1), 1-12.